LAPORAN PROJEK 2026

3 SEPTEMBER - 9 SEPTEMBER
ACEH UTARA, INDONESIA



DISEDIAKAN OLEH:
PENTAS SUNDA 2026

@PROJEKPENTASSUNDA



01 Ringkasan Projek

02 Pengenalan

03 Laporan Harian

04 Laporan Kewangan

05 Cadangan Penambahbaikan

06 Ucapan Pengarah & Timbalan Pengarah

01
Ringkasan Projek



3 - 9 SEPTEMBER 2026

TUJUH HARI BANTUAN KEMANUSIAAN & PENDIDIKAN

RM41,037.62

KUTIPAN DANA BERJAYA DIKUMPULKAN

4 KOMUNITI SASARAN

ACEH TAMIANG - BUNGKAIH - GUNCI - LAPANG

500 PEK SEMBAKO & JAJAN

DISUMBANGKAN KEPADA 500 KELUARGA & ANAK KECIL

600 PELAJAR SEKOLAH

TERLIBAT DALAM AKTIVITI PENDIDIKAN DI DAYAH AR-RAUDHAH, LHOKSEUMAWE

DAPATAN KAJIAN & LAPORAN

MENYENTUH ISU KETERJAMINAN MAKANAN, PELUANG PENDIDIKAN & MASALAH SOSIOEKONOMI DI ACEH

2,500 PENERIMA MANFAAT BERJAYA DISANTUNI

02
Pengenalan



LATAR BELAKANG

Pentas Sunda 2026 merupakan salah satu projek kesukarelawanan musim panas oleh pelajar-pelajar Malaysia yang sedang melanjutkan pelajaran di universiti terkemuka di United Kingdom. Idea bagi projek ini tercetus daripada keinginan para pelajar untuk menceburi landskap kesukarelawanan di peringkat global dan menyedari bahawa terdapat beberapa kelompongan dalam institusi kemasyarakatan yang boleh diselesaikan. Melalui bimbingan kelab ISMA UK-Eire iaitu sebuah badan Non-Governmental Organisation (NGO) di United Kingdom yang telah berdaftar sebagai sebuah persatuan yang sah di bawah Education Malaysia London (EML), semangat dan idea para pelajar berjaya diterjemahkan sebagai sebuah projek kesukarelawanan yang berperanan untuk memupuk kesedaran berkenaan masalah utama yang khususnya dihadapi oleh komuniti di Asia Tenggara. Pentas Sunda 2026 memulakan projek perintisnya di sekitar wilayah Sumatera Utara, iaitu Aceh, Indonesia berikutan banjir besar yang melanda negeri itu pada tahun 2025 sehingga skala kerosakannya boleh dianggap lebih teruk daripada Tsunami Aceh 2004. Sebagai permulaan, projek perintis ini cuba mengetengahkan dua isu utama yang membelenggu masyarakat Aceh iaitu keterjaminan makanan dan peluang pendidikan.

RAKAN KERJASAMA

Komuniti Dakwah Tarbiah (KDT) merupakan antara badan NGO yang terkenal dengan aktiviti kesukarelawanan dan bantuan masyarakat di Malaysia. Sebagai sebuah badan yang berdaftar secara sah, pihak KDT telah merekodkan 20 misi bantuan kemanusiaan di peringkat nasional dan antarabangsa, dengan anggaran sebanyak 200 ribu penerima manfaat daripada projek-projek kebajikan yang dilakukan. Sebelum ini, pihak KDT telah melakukan beberapa bantuan di Aceh pasca banjir 2025, dan merupakan antara pasukan terawal yang memberi bantuan semasa keadaan geopolitik yang tidak stabil akibat penutupan sempadan dan larangan bantuan luar oleh kerajaan Indonesia pada ketika itu. Bagi projek kali ini, pihak KDT berfungsi sebagai penasihat dan perancang utama misi dengan berbekalkan pengalaman misi bantuan terdahulu serta menjadi penghubung antara pihak Pentas Sunda dan rakan kerjasama di lapangan.

Dayah Ar-Raudhah Lhokseumawe (DRL) merupakan sebuah institusi pendidikan di daerah Lhokseumawe, Aceh namun turut bergiat aktif dalam memberi bantuan kemanusiaan pasca banjir 2025.

Setakat ini, DRL telah melakukan beberapa siri bantuan melalui pemberian bantuan pek sembako, ubat-ubatan dan juga membantu penduduk yang terperangkap sewaktu banjir keluar daripada kawasan bencana. Sebagai organisasi tempatan yang arif dengan keadaan semasa, mempunyai jaringan hubungan dengan penduduk yang meluas serta kelengkapan peralatan untuk memberi bantuan, pihak DRL berfungsi sebagai penggerak utama misi bantuan. Antara perananan DRL adalah menentukan kawasan yang layak untuk menerima bantuan, menguruskan logistik bantuan yang terkumpul daripada dana yang telah dikutip serta menjadi pengantara antara pihak Pentas Sunda dengan komuniti yang terkesan.

OBJEKTIF

Projek Pentas Sunda 2026 bertujuan untuk memupuk kesedaran para sukarelawan berkenaan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat Aceh khususnya pasca banjir serta mengkaji dan merangka jalan penyelesaian yang diharapkan agar dapat diterjemahkan pada masa akan datang. Maka, terdapat tiga inisiatif utama yang dijalankan sepanjang berada di lapangan bagi mencapai objektif yang telah dinyatakan:




BANTUAN PEK SEMBAKO

Pemberian bantuan makanan ataupun pek Sembako kepada empat komuniti di sekitar wilayah Aceh yang terkesan akibat banjir 2025. Majoriti daripada kumpulan sasaran ini telah hilang pekerjaan, tempat tinggal dan terputus bantuan daripada kerajaan. Sebuah pek sembako dianggarkan dapat membekalkan sumber makanan selama lima ke tujuh hari kepada sebuah keluarga yang terdiri daripada tiga orang. Kumpulan sasaran terdiri daripada 500 buah keluarga yang menerima sejumlah 500 pek sembako dan 500 jajan anak kecil.



AKTIVITI PENDIDIKAN

Struktur pendidikan di Indonesia memisahkan antara aliran sekular dan aliran agama yang dirangka oleh dua kementerian yang berbeza iaitu *Kementerian Pendidikan Dasar dan Menengah (Kemendikdasmen)* dan *Kementerian Agama (Kemenag)*. Namun, negeri Aceh yang mempunyai *Otonomi Khusus* berhak merangka aliran pelajarannya tersendiri yang dikenali sebagai *Dayah*. Pemisahan ini dianggap menjadi salah satu punca kegagalan institusi pendidikan nasional apabila diukur melalui penanda aras antarabangsa, *PISA* dan gaji minimum para guru yang rendah sehingga mencecah RM 45 sebulan. Maka, aktiviti pendidikan yang dilakukan bertujuan menyemai sifat cintakan ilmu pengetahuan dan memupuk kesedaran kepentingan menyambung pelajaran dalam kalangan para pelajar di Aceh.



KAJIAN LAPANGAN

Sebagai projek perintis, Pentas Sunda 2026 berharap agar projek ini mampu menggalakkan dan menggerakkan segenap lapisan masyarakat serta pihak berkuasa dalam membantu masyarakat di Asia Tenggara yang sedang menghadapi masalah. Maka, projek kali ini akan memfokuskan kepada dua permasalahan utama yang dihadapi oleh komuniti Aceh iaitu isu keterjaminan makanan dan peluang pendidikan serta merangkumi isu sosioekonomi negeri Aceh.

SEMBAKO

sem·ba·ko /sĕmbako/ n

Nadi dapur; sembilan jenis barang keperluan asas yang menghidupkan suasana dan melengkapi hidangan di meja makan



Susu



Roti



Beras

KENALI

9

BARANG POKOK



Telur



Biskut



Tepung



Gula



Garam



Minyak Masak

SUKARELAWAN



ZAYA
Timbalan Pengarah
University of Warwick



FIRAS
Pengarah
University of Sheffield



DAIM
Setiausaha
University of Manchester



KHAIR
Bendahari
University of Warwick



DANISH
AJK Modul & Aktiviti
University of Sheffield



KHALISAH
AJK Media
University of Sheffield



IZZAH
AJK Dokumentasi
University of Warwick



NABILAH
AJK Modul & Aktiviti
University of Warwick



AMIRUL
AJK Logistik
University of Southampton



03 LAPORAN HARIAN

HARI PERTAMA

Ketibaan Sukarelawan di KLIA 1 & Taklimat Sebelum Berlepas

Para sukarelawan telah berkumpul di KLIA 1 seawal jam 6.30 pagi bagi membuat persiapan akhir sebelum perjalanan ke Aceh. Sesi taklimat ringkas telah diberikan bagi memastikan semua sukarelawan memahami perjalanan dan pengurusan program, diikuti dengan bacaan doa serta proses daftar masuk. Rombongan kemudiannya berlepas dari Kuala Lumpur pada jam 9.10 pagi.

Ketibaan di Lapangan Terbang Medan

Sukarelawan tiba di Lapangan Terbang Medan sekitar jam 9.15 pagi waktu tempatan sebelum dijemput oleh pihak pengurusan dan meneruskan perjalanan ke Lhokseumawe. Perjalanan diteruskan ke Dayah Ar-Raudhah yang menjadi lokasi penginapan dan pusat pelaksanaan sebahagian besar aktiviti sepanjang tujuh hari enam malam.

Pengedaran Pek Sembako di Darul Mukhlisin, Tamiang

Dalam perjalanan menuju ke Lhokseumawe, sukarelawan telah singgah di Darul Mukhlisin, Tamiang bagi melaksanakan pengedaran pek sembako kepada masyarakat setempat iaitu guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah. Aktiviti ini turut disusuli dengan sesi energizer dan perkongsian bersama komuniti bagi mewujudkan interaksi yang lebih dekat antara sukarelawan dan penerima bantuan. Aktiviti ini memberi peluang kepada sukarelawan untuk bukan sahaja menyampaikan bantuan keperluan asas, malah berinteraksi secara langsung dengan masyarakat setempat.

Ketibaan di Dayah Ar-Raudhah & Pelaksanaan Aqiqah

Rombongan tiba di Dayah Ar-Raudhah, Lhokseumawe sekitar jam 9.30 malam. Setelah tiba, para sukarelawan membuat persiapan bagi pelaksanaan ibadah aqiqah, termasuk proses penyembelihan seekor lembu. Aktiviti ini dilaksanakan sebagai salah satu pengisian kebajikan dalam program, di samping memberi pengalaman kepada sukarelawan untuk terlibat secara langsung dalam pengurusan aktiviti komuniti dan ibadah aqiqah.





HARI KEDUA

Kelas Mufradat Bersama Pelajar Asrama Dayah Ar-Raudhah (Dilaksanakan selama empat hari)

Kelas mufradat telah dilaksanakan selama empat hari bermula seawal jam 6.00 pagi bersama para pelajar asrama Dayah Ar-Raudhah. Sesi pembelajaran memberi penekanan kepada penguasaan kosa kata Bahasa Inggeris, termasuk kata kerja (verbs) dan kata nama (nouns), yang disampaikan melalui pendekatan interaktif serta permainan pendidikan. Kaedah ini bertujuan menjadikan proses pembelajaran lebih menarik di samping menggalakkan penglibatan aktif para pelajar.

Sukaneka Bersama Pelajar Sekolah Dasar

Program sukaneka telah dilaksanakan bersama 285 orang pelajar Sekolah Dasar, dimulakan dengan sesi energizer bagi membina suasana yang lebih ceria dan menggalakkan penglibatan pelajar. Aktiviti utama, iaitu permainan Jambatan Pingpong, menguji ketangkasan dan koordinasi peserta, dengan catatan masa terpantas bagi kategori lelaki dan perempuan dinobatkan sebagai pemenang. Pada masa yang sama, sesi temu bual bersama beberapa orang guru turut dijalankan bagi mendapatkan pandangan dan pengalaman mereka berkaitan komuniti serta pendidikan setempat. Program ini bukan sahaja memberi ruang kepada pelajar untuk bersukan dan berhibur, malah menggalakkan interaksi serta pembinaan hubungan antara sukarelawan dan warga sekolah.

Startup Ummah Youth Bersama Pelajar Sekolah Menengah Atas

Program Startup Ummah Youth telah dilaksanakan selepas solat Jumaat pada jam 2.30 petang dan melibatkan 120 orang pelajar. Program ini mengetengahkan konsep 3 Why sebagai pendekatan untuk membantu para pelajar mengenal pasti permasalahan yang berlaku dalam komuniti setempat serta memikirkan penyelesaian yang bersesuaian. Aktiviti secara berkumpulan turut diterapkan bagi membina kemahiran kerjasama, kreativiti, komunikasi dan penyelesaian masalah. Setiap kumpulan kemudiannya membentangkan idea yang dihasilkan, dengan pembentangan terbaik diberikan penghargaan dan hadiah. Aktiviti ini bertujuan memupuk kesedaran bahawa golongan muda turut mempunyai peranan dalam mengenal pasti dan menangani isu yang berlaku dalam masyarakat mereka.





HARI KETIGA

Program Bersama Pelajar Sekolah Menengah Pertama

Program bersama 200 orang pelajar Sekolah Menengah Pertama telah dibahagikan kepada dua slot utama. Slot pertama merupakan sesi forum bertemakan pengalaman sebagai seorang Muslim di Eropah, yang menampilkan saudari Zaya, saudara Khair dan Danish sebagai panel serta saudara Daim sebagai moderator. Sesi ini berlangsung secara interaktif dengan penglibatan aktif para pelajar melalui sesi perkongsian dan soal jawab. Slot kedua pula merupakan aktiviti DESIGN-CREATE-SOLVE yang bertujuan menguji kreativiti, kerjasama dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar. Peserta terlebih dahulu melakar reka bentuk sebelum membina menara menggunakan bahan seperti penyedut minuman dan botol plastik. Tiga kumpulan dengan hasil binaan paling kreatif telah dipilih sebagai pemenang dan diberikan hadiah.

Misi Lokasi 1: Bungkaih - Agihan Bantuan & Community Outreach

Misi pertama telah dilaksanakan di Bungkaih dengan pengagihan pek sembako kepada masyarakat kampung yang memerlukan. Pada masa yang sama, aktiviti Community Outreach bersama kanak-kanak turut dijalankan melalui pelbagai permainan interaktif seperti Osom King & Queen. Aktiviti ini memberi peluang kepada sukarelawan untuk berinteraksi secara lebih dekat dengan komuniti, khususnya golongan kanak-kanak, selain mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang kehidupan dan keperluan masyarakat setempat melalui sesi temu bual bersama beberapa orang penduduk kampung.

Malam Muhadarah

Para sukarelawan turut berpeluang menyertai Malam Muhadarah yang merupakan salah satu aktiviti rutin para pelajar asrama bagi menampilkan bakat dalam bidang pengucapan awam, persembahan dan nasyid berkumpulan. Penglibatan sukarelawan dalam aktiviti ini mewujudkan suasana interaksi dua hala yang lebih santai serta mengeratkan hubungan bersama para pelajar. Para sukarelawan akhwat turut mengambil bahagian dengan mempersembahkan beberapa buah nasyid. Manakala, sukarelawan ikhwah pula melaksanakan beberapa aktiviti iaitu How to Speak English, persembahan Nasyid oleh Ustaz Hanif, bacaan selawat dan 'tebak' Al-Quran.



HARI KEEMPAT

Misi Lokasi 2: Gunci - Agihan Bantuan & Community Outreach

Misi kedua telah dilaksanakan di Gunci, sebuah kawasan yang terletak jauh di pedalaman dan memerlukan perjalanan yang lebih mencabar untuk sampai ke lokasi. Para sukarelawan telah mengagihkan pek sembako kepada masyarakat setempat serta melaksanakan aktiviti Community Outreach bersama kanak-kanak. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk Chicken Dance dan Red Light, Green Light. Para sukarelawan turut meluangkan masa bersama kanak-kanak dengan menyanyi lagu Upin & Ipin secara bersama-sama bagi mewujudkan suasana yang lebih ceria dan mesra. Pengalaman ini memberi peluang kepada sukarelawan untuk melihat sendiri keadaan komuniti di kawasan pedalaman serta memahami realiti kehidupan mereka dengan lebih dekat.

Misi Lokasi 3: Lapang - Agihan Bantuan

Misi ketiga telah dilaksanakan di kawasan Lapang yang mempunyai kawasan penempatan yang luas. Bagi memastikan bantuan dapat disampaikan kepada lebih ramai penerima, rombongan telah bergerak ke tiga buah perkampungan utama di sekitar kawasan tersebut untuk melaksanakan pengagihan pek sembako. Aktiviti ini memerlukan penyelarasan dan pergerakan antara beberapa lokasi, namun telah berjaya dilaksanakan bagi memastikan bantuan sampai kepada komuniti sasaran. Pengalaman di Lapang turut memberikan pendedahan kepada para sukarelawan tentang skala dan kepelbagaian keperluan masyarakat di kawasan yang lebih luas.



HARI KELIMA

Lawatan Sekitar Dayah Ar-Raudhah Bersama Pengasas

Hari kelima dimulakan dengan sesi lawatan di sekitar Dayah Ar-Raudhah bersama Pak Hamdani. Melalui lawatan ini, para sukarelawan dapat menyelami aspirasi beliau dalam membangunkan institusi pendidikan tersebut. Selain itu, rombongan turut menyaksikan hasil sumbangan daripada pelbagai NGO di Malaysia, termasuklah pembinaan masjid yang menjadi nadi utama komuniti setempat. Semasa lawatan, Pak Hamdani berkongsi cabaran menguruskan kos operasi yang merangkumi gaji guru-guru, penyediaan makanan, dan penyelenggaraan bangunan. Pendedahan ini memberi kesedaran kepada sukarelawan tentang keperitan dan cabaran besar dalam membangunkan serta menguruskan sebuah sekolah tanpa bantuan langsung daripada pihak kerajaan.

Ziarah Makam Sultan Aceh, Muzium Islam Samudera Pasai & Agihan Bantuan

Program diteruskan dengan lawatan ke makam-makam Sultan Aceh dan Muzium Islam Samudera Pasai bagi mendalami sejarah kegemilangan Islam di rantau tersebut. Di samping menghayati peninggalan sejarah, para sukarelawan turut mengambil peluang untuk mengagihkan pek sembako kepada komuniti setempat yang menetap berhampiran lokasi-lokasi berkenaan bagi meneruskan misi kebajikan mereka.

Sesi Refleksi Misi Aceh Bersama Ustaz Hanif

Pada sebelah malam, para sukarelawan telah mengadakan sesi refleksi yang dipimpin oleh Ustaz Hanif sebagai penutup kepada kesemua misi kemanusiaan di Aceh. Sesi ini memberi ruang kepada setiap sukarelawan untuk berkongsi pandangan, meluahkan pengalaman yang dilalui, serta membincangkan aspek penambahbaikan. Refleksi ini bertujuan merangkumkan segala pengajaran yang diperoleh, sekali gus meluaskan perspektif peserta terhadap nilai keberhasilan program sepanjang misi berlangsung.







HARI KEENAM

Lawatan ke Tasik Takengon & Tinjauan Infrastruktur Pasca Bencana

Hari keenam diisi dengan perjalanan menuju ke Tasik Takengon yang memakan masa sekitar dua jam dari Dayah Ar-Raudhah. Sepanjang perjalanan, para sukarelawan berpeluang menyaksikan sendiri kesan kemusnahan akibat bencana banjir yang telah merosakkan jalan raya utama, sehinggakan rombongan terpaksa menggunakan laluan alternatif yang lebih mencabar. Keadaan ini membuka mata peserta untuk melihat cabaran realiti setempat, khususnya kelewatan pihak bertanggungjawab dalam menyelenggara dan memulihkan infrastruktur awam di kawasan yang terjejas jika dibandingkan dengan kecekapan pengurusan di Malaysia.







HARI KETUJUH

Lawatan ke Muzium Aceh: Menyelusuri Sejarah & Budaya

Hari terakhir dimulakan dengan lawatan ke Muzium Aceh. Melalui pameran yang disediakan, para sukarelawan dapat menelusuri asal usul serta identiti bangsa Aceh, termasuklah reka bentuk tradisional kediaman, pakaian adat, budaya, dan sejarah yang mempunyai perkaitan rapat dengan masyarakat Melayu di Malaysia. Aktiviti ini membolehkan para sukarelawan memahami rentetan sejarah kegemilangan Aceh pada masa lalu, punca kemundurannya, serta faktor-faktor sejarah yang membentuk keadaan masyarakat Aceh pada hari ini.

Lawatan ke Muzium Tsunami Aceh

Sebagai pelengkap siri lawatan, rombongan telah berkunjung ke Muzium Tsunami Aceh bagi menyingkap kembali sejarah hitam yang melanda bumi Aceh pada tahun 2004. Pameran di sini memperlihatkan impak tragis bencana tersebut, seperti angka korban yang mencecah ratusan ribu nyawa, kemusnahan total infrastruktur, serta fasa pemulihan yang memakan masa yang sangat lama. Pengalaman berada di muzium ini memberi keinsafan yang mendalam, membolehkan peserta merefleksikan hubung kait antara kemusnahan berskala besar akibat tsunami tersebut dengan kesan tragedi banjir lumpur yang turut melanda Aceh pada tahun 2025.

Ketibaan di Sultan Iskandar Muda International Airport

Setelah selesai lawatan, para peserta mengucapkan terima kasih kepada pak Hamdani dan pak Riski atas segala pertolongan yang diberikan untuk menjayakan Projek Pentas Sunda. Para peserta mengakhiri projek dengan sesi ambil gambar dan perpisahan yang tidak akan dilupakan.









04
Laporan Kewangan



PUNGUTAN DANA

RM 41,037.62

£ 7,529.84



	RM	£
GoFund Me	6,842.43	1,255.49
Members Contribution	2,070.00	379.82
Aqiqah Fund	2,090.20	383.52
KDT	12,174.99	2,233.94
Seed Capital	4,360.00	800.00
3 Peak Challenge	13,500.00	2,477.06

GoFund Me ** — Saluran utama untuk mengumpul dana bagi projek Pentas Sunda 2026 di United Kingdom

KDT — Dana yang diterima daripada pihak KDT, selaku rakan kerjasama program untuk memberi bantuan *Sembako* kepada mangsa banjir

Aqiqah Fund — Dana yang dikumpul untuk menjalankan aktiviti *Aqiqah*. Daging sembelihan diberikan kepada penerima yang layak

Seed Capital — Dana yang diterima oleh persatuan ISMA UK-Eire yang sebahagiannya digunakan sebagai perbelanjaan Pengurusan

3 Peak Challenge — Salah satu aktiviti *fundraising* terbuka yang dilakukan dengan mendaki gunung-gunung tertinggi di United Kingdom


Members Contribution — Dana yang telah dikutip daripada setiap ahli sukarelawan untuk menampung kos *Pengurusan* projek

**Dana yang terkumpul dalam mata wang GBP (£) setelah ditolak kos penukaran mata wang*

***Dana yang diterima telah ditolak servis caj terdahulu sebelum dikreditkan ke dalam akaun bendahari*

PERBELANJAAN

Perbelanjaan projek telah dikategorikan berdasarkan fungsinya, iaitu *Langsung* dan *Pengurusan.* Perbelanjaan Langsung merujuk kepada dana yang digunakan bagi membiayai kos-kos operasi seperti pembelian barang-barang bantuan *Sembako,* jajan anak-anak dan peralatan pendidikan. Hasil kutipan dana daripada sumbangan orang ramai serta aktiviti *fundraising* telah digunakan sepenuhnya kepada pembelian 500 pek Sembako dan 500 jajan anak kecil. Manakala, Perbelanjaan Pengurusan merujuk kepada kos-kos overhed yang ditanggung oleh sukarelawan seperti kos pengangkutan, tempat tinggal dan makanan. Kos ini telah ditampung sepenuhnya oleh para sukarelawan dengan menggunakan dana peribadi. Berikut merupakan ringkasan perbelanjaan projek *Pentas Sunda 2026:*



Tiket Penerbangan	RM 6,300.00 | 46.48%
Pengangkutan	RM 3,150.00 | 23.23%
Makanan	RM 1,620.00 | 11.95%
Lain - lain	RM 1,585.55 | 11.70%
Tempat tinggal	RM 900.00 | 6.64%

Pek Sembako	RM 25,000.00 | 90.97%
Aqiqah	RM 2,070.00 | 7.53%
Aktiviti Pendidikan	RM 412.07 | 1.50%

Tiket Penerbangan
Tiket penerbangan dua hala berserta insurans untuk para sukarelawan menjalankan misi lapangan

RM 700 / sukarelawan

Pengangkutan
Kos pengangkutan (kereta sewa dan minyak) sepanjang tempoh projek, termasuk sewaktu melakukan misi di lapangan

RM 350 / sukarelawan

Makanan
Kos makanan sukarelawan termasuk rakan kerjasama yang bertugas di lapangan sepanjang tempoh misi

RM 180 / sukarelawan

Pek Sembako
Kos pembelian barang-barang bantuan pek Sembako dan jajan anak kecil sebanyak 500 paket yang diberikan kepada 500 buah keluarga

RM 50 / paket sembako dan jajan

Aqiqah
Dana yang dikumpul untuk menjalankan aktiviti Aqiqah. Daging sembelihan diberikan kepada penerima yang layak

RM 690 / bahagian

Lain - lain
Kos untuk perbelanjaan umum seperti *banner, placard,* lawatan dan hal-hal kecemasan

Perbezaan pertukaran mata wang juga telah dicaj dalam akaun ini

Tempat tinggal
Kos tempat penginapan selama tujuh hari enam malam di Dayah Raudhah Lhokseumawe

RM 100 / sukarelawan

Aktiviti Pendidikan
Kos yang digunakan untuk menjalankan aktiviti pendidikan bersama para pelajar seperti kertas mahjong, pen marker dan gula-gula



05
Cadangan Penambahbaikan

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN


1. Memperkukuh Perancangan dan Pengurusan Projek
Perancangan projek boleh diperkemas melalui timeline yang sistematik, pembahagian PIC yang jelas, internal deadline serta penyediaan Plan B lebih awal bagi memastikan kelancaran program sekiranya berlaku perkara di luar jangkaan.






2. Mewujudkan Kesinambungan dan Susulan Pascamisi
Mekanisme susulan pascamisi boleh diwujudkan bagi memastikan hubungan dan impak program berterusan. Sukarelawan misi akan datang juga boleh dihubungkan dengan pasukan terdahulu untuk perkongsian pengalaman, panduan dan ilmu lapangan.

3. Memperkemas Penyelarasan dengan Pihak Lapangan dan Sasaran Peserta
Penyelarasan awal dengan pihak sekolah dan institusi perlu diperkukuh, khususnya dalam menentukan jumlah, profil dan pembahagian peserta mengikut kapasiti sukarelawan agar setiap aktiviti dapat dikendalikan dengan lebih berkesan.





4. Meningkatkan Persediaan Menghadapi Halangan Bahasa
Persediaan bahasa boleh dimasukkan dalam fasa pra-keberangkatan melalui pengenalan frasa dan kosa kata asas tempatan serta penyediaan language booklet sebagai rujukan sepanjang misi bagi memudahkan komunikasi dan interaksi dengan masyarakat setempat.



CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

5. Memperluaskan Skop Projek Pentas Sunda ke Rantau Nusantara
Skop Projek Pentas Sunda berpotensi diperluaskan secara berperingkat ke komuniti lain di rantau Nusantara, termasuk wilayah lain di Indonesia dan kawasan berdekatan Malaysia seperti Thailand, berdasarkan keperluan setempat dan kesesuaian rakan kerjasama.





6. Mewujudkan Badan Kebajikan di United Kingdom
Penubuhan sebuah badan kebajikan berdaftar di United Kingdom dapat meningkatkan kredibiliti dan keyakinan penderma terhadap projek-projek kemanusiaan di bawah ISMA UK-Eire, di samping memudahkan usaha kutipan dana serta membolehkan penderma menikmati pelepasan cukai yang bersesuaian.

7. Memperkukuh Rangka Perancangan Projek bagi Memudahkan Urusan Penajaan
Setiap projek perlu mempunyai rangka perancangan dan core activities yang jelas sejak awal bagi mengurangkan kebergantungan kepada pihak luar. Kejelasan ini dapat membantu pasukan fundraising & sponsorship menyediakan cadangan yang lebih komprehensif dan meyakinkan penaja.





8. Memperkukuh Penyelarasan dan Kecekapan Pra-Program
Struktur komunikasi pra-program boleh diperkemas dengan mengurangkan tiga lapisan penyelarasan daripada Team Pentas Sunda → KDT → Dayah Ar-Raudhah kepada Team Pentas Sunda → KDT + Dayah Ar-Raudhah bagi mempercepatkan penyampaian maklumat dan keputusan. Pada masa yang sama, setiap peserta perlu lebih proaktif dalam menguruskan tugasan biro masing-masing. Bagi biro media pula, bahan perlu disusun dalam folder yang berasingan mengikut hari dan lokasi bagi memudahkan pengurusan serta penyuntingan kandungan.

06

Ucapan Pengarah & Timbalan Pengarah



BISMILLAH

Saat kita memulakan perjalanan ini, marilah kita tanamkan niat yang ikhlas pada setiap perkara yang kita laksanakan. Kehadiran kita di sini bukanlah sekadar untuk menyiapkan satu projek, tetapi kita hadir untuk berkhidmat, menyantuni, dan membawa perubahan yang bermakna dalam kehidupan saudara-mara kita di Aceh.

Marilah kita laksanakan amanah ini dengan keazaman untuk memberikan yang terbaik dengan penuh keikhlasan, rasa ihsan, dan kecemerlangan. Semoga setiap keputusan yang kita ambil dipandu oleh hasrat untuk mewujudkan impak positif jangka panjang, impak yang akan terus menabur manfaat kepada masyarakat Aceh walaupun selepas tugas kita selesai.

Sekiranya kita menjaga keikhlasan niat dan saling bekerjasama semata-mata kerana Allah SWT, maka insya-Allah, usaha ikhlas kita ini mampu menjadi asbab kepada kebaikan yang berpanjangan.

Marilah kita berikhtiar untuk meninggalkan legasi yang mampu memperkasakan masyarakat, mengukuhkan institusi ummah, dan membuka ruang peluang untuk masa depan yang lebih cerah.

Semoga Allah SWT menerima amalan kita, mengurniakan barakah ke atas usaha ini, menjadikan kita asbab kepada perubahan positif, dan mengganjari setiap individu yang terlibat dengan darjat yang tertinggi di dalam Syurga. Amin.

Ayuh kita laksanakan misi ini dengan paksi niat yang betul, curahkan usaha yang terbaik, dan jadikan ia suatu sumbangan yang boleh kita banggakan bukan sahaja di dunia, malah insya-Allah di akhirat kelak.

MUHAMMAD FIRAS
PENGARAH PROJEK PENTAS SUNDA 2026

ALHAMDULILLAH

Selesai sudah Projek Pentas Sunda yang telah kita nantikan dan usahakan bersama. Jika dilihat kembali, perjalanan ini bermula pada bulan Februari yang lalu, ketika idea ini masih sekadar sebuah pembentangan. Namun, dengan kesungguhan, komitmen dan kerjasama semua pihak, ia akhirnya menjadi sebuah realiti serta ruang untuk kita turun ke lapangan dan berbakti kepada saudara seislam di Aceh.

Menjadi pasukan perintis bagi Projek Pentas Sunda bukanlah sesuatu yang mudah. Ia memerlukan visi yang jelas, komitmen berterusan, perancangan yang rapi serta kesediaan menghadapi perkara di luar jangkaan. Namun, setiap cabaran mengajar kita bahawa sesuatu projek tidak dibina oleh seorang atau dua orang sahaja, tetapi melalui usaha setiap individu yang sanggup menyumbang masa, tenaga dan fikiran. Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh barisan sukarelawan, pihak pengurusan, rakan kerjasama serta semua yang telah bersama-sama menjayakan misi ini.

Sebagai pasukan perintis, harapan terbesar saya adalah agar Projek Pentas Sunda tidak terhenti sebagai sebuah misi ke Aceh semata-mata. Semoga ia terus berkembang sebagai wadah anak muda untuk terlibat dalam isu kemanusiaan, mengenali realiti masyarakat di luar lingkungan mereka serta membina rasa tanggungjawab terhadap ummah. Lebih daripada sekadar menyampaikan bantuan, semoga setiap misi menjadi ruang untuk kita belajar, mendengar dan memahami keperluan masyarakat dengan lebih dekat.

Melalui dokumentasi, perkongsian pengalaman dan temu bual bersama masyarakat di Aceh, saya berharap kisah yang kami saksikan di lapangan dapat dibawa pulang kepada masyarakat yang lebih luas. Semoga ia bukan sekadar menjadi kenangan buat kami, tetapi turut membuka mata dan mendorong lebih ramai anak muda untuk mengambil tahu serta bertindak terhadap isu kemanusiaan di sekeliling mereka.

Akhir sekali, buat Aceh yang telah menerima kehadiran kami dengan begitu baik, semoga Allah terus memelihara dan merahmati bumi serta masyarakatnya. Semoga cepat sembuh, wahai Acehku. Semoga setiap usaha kecil yang dilakukan menjadi asbab kepada hadirnya lebih banyak kebaikan, peluang dan harapan. Dan semoga Projek Pentas Sunda yang pertama ini menjadi permulaan kepada lebih banyak usaha untuk Aceh dan masyarakat di rantau Nusantara.

Semoga Allah menerima segala usaha yang telah dilakukan dan memberkati setiap langkah kita. InsyaAllah, ini bukan pengakhiran, tetapi permulaan kepada perjalanan yang lebih panjang.

IZZAH ATHIRAH
TIMBALAN PENGARAH PROJEK PENTAS SUNDA 2026



PENTAS SUNDA 2026

Merentas Samudera, Memperkasa Generasi Nusantara

isma UK-EIRE

Projek Pentas Sunda

kdt Komuniti Dakwah Tarbiah